
A decorative graphic in the top-left corner consisting of several overlapping, rounded rectangular shapes in a light blue color.

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN

2020

A decorative graphic on the right side of the page, featuring a vertical blue line and several overlapping, rounded rectangular shapes in light blue and red at the bottom.

ISI KANDUNGAN :

BIL	TARIKH	TAJUK
JANUARI		
1.	7 Januari 2020	Pemakaian Pangkat Menteri Besar Dan Ketua Menteri
2.	24 Januari 2020	Official Visit Of Minister Of Defence Malaysia, YB Mohamad Bin Sabu To The Republic Of Indonesia
FEBRUARI		
4.	3 Februari 2020	Lawatan Kerja Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi Bin Md Yussof, Menteri Pertahanan Kedua Brunei Darussalam Ke Tawau
5.	16 Februari 2020	Munich Security Conference Munich, Jerman
6.	16 Februari 2020	Munich Security Conference Munich, Germany
7.	19 Februari 2020	Retreat Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM Retreat) Hanoi, Vietnam, 19 Februari 2020
8.	19 Februari 2020	Asean Defence Ministers' Meeting (ADMM) Retreat, 19 February 2020, Hanoi, Vietnam
9.	24 Februari 2020	Perwira Dialog 2020 Malaysia's Inaugural Defence White Paper : Ideas And Implementation
10.	24 Februari 2020	Perwira Dialogue 2020 Malaysia's Inaugural Defence White Paper : Ideas And Implementation
MAC		
11.	3 Mac 2020	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Serta Pingat Perkhidmatan Dan Pekerti Terbilang Kementerian Pertahanan Tahun 2020

APRIL

12. 29 April 2020 Penyerahan Sumbangan Ehsan Kepada Warga ATM Dan Sumbangan Ihya Ramadan Kepada Markas Perkhidmatan

MEI

13. 15 Mei 2020 Perbualan Telefon Antara YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Menteri Pertahanan Malaysia Dengan TYT Jeneral Wei Fenghe, Menteri Pertahanan Nasional Republik Rakyat China
14. 15 Mei 2020 Telephone Conversation Between Honourable Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Minister Of Defence Malaysia And His Excellency General Wei Fenghe, Minister Of National Defense Of The People's Republic Of China

JUN

15. 3 Jun 2020 Sumbangan Barangan Dan Peralatan Perubatan Kepada Petugas Barisan Hadapan Angkatan Tentera Malaysia Oleh Kementerian Pertahanan Nasional Republik Rakyat China
16. 16 Jun 2020 Sidang Video Dengan TYT Prabowo Subianto, Menteri Pertahanan Republik Indonesia Dan Kunjungan Hormat Oleh TYT Md Shahidul Islam, Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh Ke Malaysia
17. 16 Jun 2020 Video Conference With His Excellency Prabowo Subianto, Minister Of Defence Of The Republic Of Indonesia And Courtesy Call By His Excellency Md Shahidul Islam, High Commissioner Of The People's Republic Of Bangladesh To Malaysia

JULAI

18. 16 Julai 2020 Pembatalan Penganjuran Pameran Antarabangsa Maritim Dan Aeroangkasa Langkawi 2021 (LIMA'21)

19. 20 Julai 2020 Telephone Conversation With His Excellency Kono Taro, Minister Of Defense Japan And Courtesy Call By His Excellency Dato Paduka Hj Alaihuddin Mohd Taha, High Commissioner Of Negara Brunei Darussalam To Malaysia

OKTOBER

20. 21 Oktober 2020 Penamatan Operasi Hospital Medan Malaysia Di Cox's Bazar, Bangladesh

21. 21 Oktober 2020 The End Of The Malaysian Field Hospital Operation At Cox's Bazar, Bangladesh

DISEMBER

22. 10 Disember 2020 14th Asean Defence Ministers' Meeting (ADMM), 7th ADMM-Plus & Related Meetings, 9 &10 December 2020



Siaran **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 01/20


PEMAKAIAN PANGKAT MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI

Merujuk kepada kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Markas Tentera Darat menerusi Siaran Akhbar 'Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah' bertarikh 17 Julai 2019. Kementerian Pertahanan ingin mengulangi penegasan bahawa:

1. Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW) merupakan suatu jawatankuasa peringkat negeri yang ditubuhkan di setiap negeri bagi menggalakkan penyertaan rakyat dalam pasukan sukarela iaitu Angkatan Simpanan Persekutuan (ASP).
2. JAKPAW berperanan memberikan sokongan dan kerjasama untuk mempromosi dan menggalakan penyertaan orang awam melalui komitmen majikan serta merancang semua jenis bantuan seperti kem gunasama kepada ASP di setiap negeri. Piagam Jawatankuasa Pendukung Angkatan Sukarela Persekutuan telah ditetapkan menerusi Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) 1/96.
3. Penaung JAKPAW di setiap negeri adalah Menteri Besar/Ketua Menteri. Dan mereka dilantik oleh Menteri Pertahanan (MENHAN) menerusi kelulusan Majlis Angkatan Tentera (MAT) dengan diperuntukkan pangkat Brigediar Jeneral (Kehormat).
4. Selain daripada itu, perjawatan Pengerusi JAKPAW dikhususkan kepada Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri. Pelantikan Pengerusi JAKPAW dibuat oleh Menteri Besar/ Ketua Menteri/ Menteri Wilayah Persekutuan dengan diperuntukkan pangkat Kol (Kehormat).
5. Kesemua perjawatan tauliah kehormat ini perlu mendapat kelulusan MAT dan perkenan Yang Dipertuan Agong terlebih dahulu sepertimana yang termaktub dalam Seksyen 198, Akta Angkatan Tentera 1972.
6. Perjawatan tauliah kehormat boleh ditamatkan sekiranya penyandanginya melakukan kelakuan yang boleh mencemarkan nama baik Angkatan Tentera Malaysia atau tidak lagi menyandang jawatan mereka.
7. Justeru itu adalah tidak tepat dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan Menteri Pertahanan Mohamad Sabu memungkiri janjinya dengan memberikan pangkat kehormat kepada ahli politik. Pangkat yang diberikan kepada penaung JAKPAW adalah atas kapasiti kedudukan jawatan yang disandang yang melayakan mereka diberi pangkat kehormat dan bukannya atas kapasiti latarbelakang parti politik. Ini kerana pangkat kehormat ini turut diberikan kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri dari parti pembangkang.

-TAMAT-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 02/01

**OFFICIAL VISIT OF MINISTER OF DEFENCE MALAYSIA
YB MOHAMAD BIN SABU TO THE REPUBLIC OF INDONESIA**

Jakarta, Indonesia

The Minister of Defence, YB Mohamad bin Sabu, undertook an official visit to the Republic of Indonesia on 24 January 2020. During his visit, the Defence Minister held a discussion with his counterpart, His Excellency H. Prabowo Subianto, Minister of Defence of the Republic of Indonesia. Both Ministers acknowledged that the official visit is a testament of the strong and dynamic bilateral defence ties between the two countries.

Both Ministers had a wide-ranging and open discussion that reflected the strength of the relationship and captured the shared interests of both countries. They reiterated their shared commitments to further strengthen the existing defence cooperation based on mutual interests, particularly on the importance of developing defence industry cooperation. Consequently, YB Mohamad also extended the invitation for His Excellency H. Prabowo Subianto to attend the Defence Services Asia Exhibition and Conference (DSA 2020) and the National Security Asia 2020 (NATSEC 2020) scheduled to be held on 20-23 April 2020 in Kuala Lumpur.

During the meeting, the Ministers also touched on the recent kidnapping incident involving five Indonesian fishermen in waters off Tambisan, Sabah. Both Ministers expressed their confidence in the effective implementation of the Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) between Indonesia, Malaysia and the Philippines in addressing the common maritime security threats in waters bordering the littoral states. YB Mohamad also emphasised on Malaysia's seriousness and assured Malaysia's commitment, particularly the Malaysian Armed Forces (MAF) in securing the area. The Ministers agreed to meet with Secretary Delfin Lorenzana, the Secretary of National Defence of the Philippines on the sideline of the ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) Retreat in February 2020 to further discuss on ways to enhance the TCA.


The defence tie between Malaysia and Indonesia has seen excellent progress under the ambit of the General Border Committee (GBC) that was established in 1972, especially between the MAF and the Indonesian National Armed Forces (TNI). The defence relation has also strengthened through sub-regional initiatives namely the Malacca Straits Patrol (MSP) and TCA together with the Philippines.

Malaysia and Indonesia share a close bilateral relationship and this visit is a vital step to further strengthening the existing bond of friendship between both countries.

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Ministry of Defence Malaysia
24 January 2020





Siaran

AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/1/2 JLD 4 () 03/01

LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI HAJI AWANG HALBI BIN MD YUSSOF, MENTERI PERTAHANAN KEDUA BRUNEI DARUSSALAM KE TAWAU

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md Yussof, Menteri Pertahanan Kedua Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan kerja ke Tawau, Sabah dengan diiringi oleh Yang Berhormat Mohamad bin Sabu, Menteri Pertahanan Malaysia pada 2 hingga 4 Februari 2020.

Turut serta dalam lawatan kerja ini ialah Jeneral Tan Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera Malaysia; Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany, Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia; Encik Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertahanan Malaysia; dan Leftenan Jeneral Dato' Suhaimi bin Hj Mohd Zuki, Panglima Angkatan Bersama, Angkatan Tentera Malaysia.

Pada hari ini, program lawatan adalah melibatkan kunjungan ke Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (ATB 2). Seterusnya mereka telah dibawa ke penempatan operasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di kawasan perairan Pantai Timur Sabah iaitu Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah (TSR) dan Pulau Pandanan serta turut membuat tinjauan dari udara menggunakan helikopter EC725 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ke kawasan operasi di Pulau Mataking, Pulau Matabuan dan Pulau Sibuan.

Malaysia dan Brunei mempunyai jalinan hubungan dua hala sejak sekian lama dan lawatan kerja ini telah memberi peluang kepada kedua-dua Negara untuk memperhalusi hubungan strategik di antara kedua negara. Hubungan dua hala pertahanan antara Malaysia dan Brunei dibentuk secara rasmi melalui Memorandum Persefahaman Kerjasama Pertahanan yang ditandatangani oleh kedua-dua Negara pada 14 Februari 1992.

Hubungan pertahanan kedua-dua terus berkembang di peringkat strategik, operasi serta taktikal melalui pelaksanaan operasi/latihan bersama dan program pertukaran pegawai serta anggota melibatkan angkatan tentera kedua-dua Negara. Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) turut menyertai *Malaysian Battalion* (MALBATT) di dalam misi *United Nations Interim Force in Lebanon* (UNIFIL) sejak tahun 2008. Selain itu, Brunei juga menganggotai Tim Pemantau Antarabangsa atau *International Monitoring Team* (IMT) di Mindanao, Filipina yang diketuai oleh Malaysia sejak tahun 2004.


Kerjasama pertahanan antara kedua Negara ini adalah penting khususnya dalam konteks menjaga keamanan dan kestabilan dengan mengambil kira cabaran dan ancaman keselamatan semasa di rantau ini.

-TAMAT-

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
3 Februari 2020





Siaran
AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 02/02 (BM)

**MUNICH SECURITY CONFERENCE
MUNICH, JERMAN
13-16 FEBRUARI 2020**

Menteri Pertahanan Malaysia, YB Haji Mohamad bin Sabu telah menghadiri *Munich Security Conference* (MSC) 2020 yang berlangsung di Munich, Jerman bermula dari 14 hingga 16 Februari 2020.

Sejak penganjurannya lebih lima dekad yang lalu, MSC 2020 telah berkembang menjadi persidangan utama yang membahaskan dasar keselamatan antarabangsa. Persidangan kali ini menyaksikan kehadiran lebih 500 orang delegasi peringkat tinggi dari seluruh dunia termasuk pemimpin negara, menteri-menteri kabinet serta tokoh terkemuka dalam bidang keselamatan.

Persidangan kali ini membincangkan pelbagai isu keselamatan dunia yang semakin membimbangkan termasuk kawalan senjata, cabaran mengekalkan keamanan dan keselamatan di Asia Pasifik, dialog berhubung program peluru berpandu, multilateralisme dan peralihan kuasa besar.

Kehadiran YB Menteri Pertahanan ke MSC 2020 adalah sebahagian daripada Perkongsian Berwibawa yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP) di bawah inisiatif diplomasi pertahanan untuk menggalakkan hubungan pertahanan positif melalui platform dua hala dan pelbagai hala dalam menangani isu pertahanan serta keselamatan serantau dan antarabangsa yang dikongsi oleh Malaysia dan negara lain.

Semasa lawatannya, YB Menteri Pertahanan turut mengambil kesempatan mengadakan pertemuan bersama diaspora Malaysia di Jerman bagi berkongsi intipati KPP yang menggariskan strategi jangka panjang demi


mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur.

-TAMAT-

PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Kementerian Pertahanan Malaysia
16 Februari 2020





PRESS
RELEASE

MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 02/02 (ENG)

**MUNICH SECURITY CONFERENCE
MUNICH, GERMANY
14-16 FEBRUARY 2020**

The Malaysian Defence Minister, YB Haji Mohamad bin Sabu attended the Munich Security Conference (MSC) 2020 held in Munich, Germany from 14 to 16 February 2020.

Since its inception over five decades ago, MSC 2020 has grown into one of the world-leading conferences on international security policies. It has welcomed over 500 high-ranking international decision-makers including the heads of state, cabinet ministers, as well as leading experts from around the globe.

This conference addressed pressing global security concerns including arms control, challenges to regional security, missile dialogue initiatives, multilateralism and global power shifting.


YB Haji Mohamad's attendance to the MSC 2020 was part of the credible partnership outlined in the Defence White Paper (DWP) under the framework of defence diplomacy initiative to promote positive defence relations through bilateral and multilateral platforms in addressing regional and international defence and security issues of common concerns.

During this visit, YB Haji Mohamad also took the opportunity to meet with the Malaysian diaspora in Germany. This session was aimed at sharing the essence of the DWP that outlines defence long term strategy to ensure Malaysia continues to be a secure, sovereign and prosperous nation.

-End-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

**Ministry of Defence Malaysia
16 Februari 2020**



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 03/02 (BM)

**RETREAT MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERTAHANAN ASEAN
(ADMM RETREAT)
HANOI, VIETNAM, 19 FEBRUARI 2020**

'Cohesive and Responsive'

Menteri Pertahanan Malaysia, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu telah menghadiri mesyuarat *Retreat* Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (*ADMM Retreat*) yang diadakan di Melia Hanoi Hotel, Hanoi, Vietnam, pada 19 Februari 2020.

Lapan Menteri Pertahanan negara anggota ASEAN (*ASEAN Member States, AMS*), telah menghadiri Mesyuarat *ADMM Retreat*. Semasa sesi bertukar pandangan, YB Mohamad telah menyampaikan ucapan tahniah dan menyatakan sokongan Malaysia terhadap Vietnam selaku Pengerusi ASEAN 2020.

Sebagai tanda sokongan kepada tema ASEAN Vietnam 2020 iaitu '*Cohesive and Responsive*', YB Mohamad telah menyampaikan pandangan Malaysia bahawa AMS perlu memberi fokus kepada usaha memperkukuh perpaduan serantau dan perlu saling melengkapi satu sama lain sebagai langkah ke arah pembangunan komuniti ASEAN. Beliau mengiktiraf inisiatif dan pencapaian ADMM serta menyatakan keyakinan bahawa di bawah kepimpinan Vietnam pada tahun ini, inisiatif sedia ada akan diteruskan manakala peluang kerjasama baharu akan diteroka bagi meningkatkan prestasi dan sumbangan ADMM dalam memastikan keselamatan, keamanan dan kestabilan serantau .

Beliau juga menyuarakan kepentingan supaya ASEAN meningkatkan keupayaan untuk mengadaptasi Revolusi Perindustrian keempat (*Fourth Industrial Revolution*). Menyedari cabaran ini, YB Mohamad memaklumkan hasrat Malaysia untuk membina kesedaran dan menyemai budaya keselamatan siber serta norma positif melalui kumpulan kerja pakar *ADMM-Plus* mengenai keselamatan siber yang dikenali sebagai *ADMM-Plus Experts' Working Group on Cyber Security* (*ADMM-Plus EWG on CS*) yang dipengerusikan secara bersama antara Malaysia dengan Korea Selatan dari tahun 2020 hingga 2023. Ini bertujuan untuk mengurangkan jurang pengetahuan, kesedaran dan keupayaan dalam domain siber dalam kalangan negara ASEAN dan negara-negara Plus.

Selaras dengan matlamat Malaysia untuk mengoperasikan *ASEAN Militaries Ready Group on Humanitarian Assistance Disaster Relief (AMRG on HADR)* pada tahun ini, YB Mohamad turut mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada setiap negara ahli ASEAN atas sokongan yang diberikan terhadap Malaysia dalam membangunkan inisiatif ini. Pemakaian *Standard Operating Procedure of the AMRG on HADR (SOP AMR on HADR)* akan melengkapi garis panduan kerjasama ASEAN dalam bidang bantuan kemanusiaan selain mencerminkan kesepaduan serantau dalam tindakan menangani bencana di rantau ini.

Selanjutnya, YB Mohamad turut menekankan keperluan untuk ADMM sentiasa memastikan prinsip *ASEAN Centrality* sebagai keutamaan dalam memupuk hubungan dengan rakan-rakan negara ASEAN serta dalam menjaga hubungan dengan negara Plus. Di samping itu, YB Mohamad turut mengambil bahagian dalam Mesyuarat Tidak Formal Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN – Australia (*ASEAN-Australia Defence Ministers' Informal Meeting*), dan mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawat Australia, Senator Linda Reynolds.


Di akhir mesyuarat *ADMM Retreat*, Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN sebulat suara bersetuju mengeluarkan satu pernyataan bersama iaitu *Joint Statement on Defence Cooperation Against Disease Outbreak* mengenai keperluan untuk mempertingkatkan kerjasama pertahanan ASEAN dalam menghadapi dan mengatasi wabak COVID-19 secara kolektif.

Kehadiran YB Haji Mohamad bin Sabu di *ADMM Retreat* mempamerkan komitmen Malaysia terhadap ADMM sebagai mekanisme diplomasi pertahanan serantau terulung yang menyumbang ke arah keselamatan, keamanan, dan kestabilan rantau ASEAN. Malaysia bersama-sama dengan negara ASEAN lain mengucapkan tahniah kepada Vietnam atas kejayaan penganjuran mesyuarat *ADMM Retreat* dan akan turut hadir ke mesyuarat 14th ADMM dan 7th ADMM-Plus pada November 2020.

-Tamat-

PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Kementerian Pertahanan Malaysia
19 Februari 2020



PRESS
RELEASE

MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 03/02 (ENG)

**ASEAN DEFENCE MINISTERS' MEETING (ADMM) RETREAT,
19 FEBRUARY 2020, HANOI, VIETNAM**

'Cohesive and Responsive'

The Malaysian Defence Minister, YB Haji Mohamad bin Sabu attended the ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) Retreat held at the Melia Hanoi Hotel, Hanoi, Vietnam, on 19 February 2020.

Eight out of ten Defence Ministers from ASEAN Member States (AMS) attended the ADMM Retreat. In his opening remark, YB Mohamad congratulated and expressed Malaysia's support towards Vietnam ASEAN 2020 Chairmanship.

In support of Vietnam's theme of 'Cohesive and Responsive', YB Mohamad presented Malaysia's views that AMS should focus on strengthening regional unity and solidarity while complementing one another towards ASEAN community building. He acknowledged the good work that ADMM has produced and believed that under Vietnam's leadership, existing initiatives will be continued while exploring new opportunities to enhance ADMM's cohesive performance and contribution to the maintenance of regional peace, security and stability.

He also expressed importance for ASEAN to improve the capacity of adapting to the Fourth Industrial Revolution. Recognising this challenge, YB Mohamad highlighted Malaysia's upcoming focus on building awareness and inculcating regional cyber security culture and positive norms through the ADMM-Plus Experts' Working Group on Cyber Security, which Malaysia will co-chair with the Republic of Korea from 2020 to 2023. The vision aims at minimising gap of knowledge, awareness and capacity in cyber domain among AMS and Plus countries.

In line with Malaysia's aim to operationalise the ASEAN Militaries Ready Group on Humanitarian Assistance Disaster Relief (AMRG on HADR) this year, YB Mohamad also took the opportunity to personally thank each ASEAN Member State for the support given to Malaysia on developing this initiative. The Standard Operating Procedure of the AMRG on HADR complements the ASEAN HADR guideline of cooperation, reflecting cohesiveness in responding to regional disaster.

Through the course of developing relations with ASEAN's friends as well as maintaining relation with Plus partners, YB Mohamad expressed views of the need

for ADMM to uphold the principle of ASEAN Centrality. At the side-line of the meeting, YB Mohamad also participated in the ASEAN Defence Ministers' Informal Meeting with Australia, and conducted bilateral meeting with the Australian Minister for Defence, Senator the Hon Linda Reynolds.


Noting the grave concern of the current outbreak, the ADMM Retreat released a Joint Statement on Defence Cooperation Against Disease Outbreak acknowledging ASEAN's united view in responding to the outbreak of the COVID-19 in a collective and cohesive manner.


The presence of YB Haji Mohamad bin Sabu at the ADMM Retreat showcased Malaysia's commitment towards ADMM, of which remains the highest defence diplomacy contributing towards regional peace, security and stability of the ASEAN region. Malaysia together with AMS congratulated Vietnam for a successful hosting of the ADMM Retreat and looks forward to attending the upcoming 14th ADMM and 7th ADMM-Plus in November 2020.

-End-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Ministry of Defence Malaysia
19 Januari 2020





Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 03/02 (BM)

PERWIRA DIALOG 2020

**MALAYSIA'S INAUGURAL DEFENCE WHITE PAPER:
IDEAS AND IMPLEMENTATION**

Menteri Pertahanan Malaysia, YB Haji Mohamad bin Sabu telah menghadiri Perwira Dialog 2020 bagi menyempurnakan majlis penutup pada 24 Februari 2020. Majlis ini berlangsung selama setengah hari bertempat di Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur. Ucapan pembukaan telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Institut Keselamatan dan Pertahanan Malaysia (MiDAS), Encik Noor Hisham bin Rosle dan ucap tama telah disampaikan oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM.

'Perwira Dialog' ini merupakan satu platform bagi membincangkan kaedah pelaksanaan Kertas Putih Pertahanan (KPP) yang pertama agar dapat memberi faedah dan manfaat jangka masa panjang dalam memperkukuhkan tunjang pertahanan dan keupayaan negara, ketahanan dalaman dan jalinan kerjasama luar. Dialog ini membuka peluang kepada Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dan para pemimpin Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk membentangkan hala tuju bagi mengubah idea-idea menjadi tindakan dasar, seiring dengan arahan yang telah ditetapkan oleh Menteri Pertahanan ketika sesi pembentangan Kertas Putih Pertahanan (KPP) di Parlimen pada bulan Disember 2019.

Dialog ini juga bertujuan bagi memudahkan para cendekiawan dan perunding pakar yang turut dijemput untuk berkongsi penilaian masing-masing serta bertukar pendapat mengenai KPP 2020 termasuklah perkongsian berwibawa dan keupayaan serantau sebagai idea utama. Hal ini termasuklah 3 Tonggak Utama dalam Strategi Pertahanan Malaysia, kedudukannya sebagai sebuah negara maritim dengan susur galur kebenuaan, dan visi sebagai gerbang penjalin di antara Asia-Pasifik dan Lautan Hindi, masing-masing mempunyai matlamat untuk menyumbang kepada pertahanan negara, *centrality* ASEAN, kestabilan serantau, serta keselamatan dan kemakmuran bersama. Di samping menjadi medan pertemuan melibatkan bahagian pertahanan dan pemegang taruh, dialog ini dijangka akan menjana pelbagai pandangan mengenai pemikiran dasar dan penilaian terhadap pelbagai cabaran dan peluang dalam melaksanakan KPP.


Penceramah dalam dialog ini adalah wakil daripada Kementerian Pertahanan, Institut Pengajian Strategik Antarabangsa-Asia, Pusat Pengajian Strategik dan Antarabangsa Indonesia, Bahagian Pertahanan Australia dan Institut Pengajian Strategik Akademi Diplomatik Vietnam.

Seramai lebih 200 tetamu yang hadir dalam dialog ini termasuklah wakil daripada Kementerian Pertahanan, Kumpulan Pemikir Tempatan dan Serantau, Pemegang Taruh Keselamatan dan Nasional, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Institut Tinggi dan Kedutaan Besar tempatan.

-Tamat-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Kementerian Pertahanan Malaysia
24 Februari 2020



PRESS
RELEASE

MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 03/02 (ENG)

PERWIRA DIALOGUE 2020

**MALAYSIA'S INAUGURAL DEFENCE WHITE PAPER:
IDEAS AND IMPLEMENTATION**

The Minister of Defence, YB Haji Mohamad bin Sabu attended and had delivered closing remark at Perwira Dialogue 2020 on 24th February 2020. This Dialogue is half-day event and held at Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur. The opening remark was delivered by Mr Noor Hisham bin Rosle, Director General, Malaysia Institute of Defence and Security (MiDAS) and the keynote address was delivered by General Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang RMAF, Chief of Defence Force.

This Perwira Dialogue aims to provide a platform for a meeting of minds on how the key ideas in Malaysia's inaugural Defence White Paper (DWP) shall be implemented effectively, in ways that serve to continuously strengthen the nation's defence capabilities, internal resilience and external partnerships. This dialogue offers an opportunity for the Ministry of Defence (MINDEF) and the Malaysian Armed Forces (MAF) leaderships to present the roadmap to transform the ideas into policy actions, along the direction set forth by the Minister of Defence while tabling the DWP at the Parliament in December.

The event also serves to facilitate an exchange of perspectives among experts and scholars from around the region, who are invited to share their assessments on the 2020 DWP, including bilateral complementarities and regional potentials of its key ideas. These include Malaysia's 3-pillar defence strategy, its positioning as a maritime nation with continental roots, as well as its vision as a bridging linchpin between the Asia-Pacific and the Indian Ocean regions, all of which aspire to contribute to national defence, ASEAN centrality, as well as regional stability in the spirits of inclusiveness, shared prosperity and shared security. In addition to serving as a dialogue involving the Defence establishment and its stakeholders, the event is expected to generate insights to inform policy thinking and appraisal of the multifaceted challenges and opportunities as Malaysia implements the DWP.

Speakers whom had graced the dialogue are from Malaysia Ministry of Defence, The International Institute for Strategic Studies - Asia, Centre for Strategic and International Studies Indonesia, Australian Department of Defence and Institute for Strategic Studies Diplomatic Academy of Vietnam,

There were 200 participants that had attended this dialogue ranging from Malaysia Ministry of Defence, Regional and Local Think Tanks, National and Security Stakeholder, Government-Linked Company, Local Higher Institutions and representative from Embassies.

-End-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Ministry of Defence Malaysia
24 February 2020



Siaran
AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 01/03

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG SERTA
PINGAT PERKHIDMATAN DAN PEKERTI TERBILANG
KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2020**

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Yang Berbahagia Datuk Abdul Muez bin Abd Aziz telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang (PPT) Tahun 2020 bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM, hari ini.

Majlis penyampaian APC dan PPT telah dilaksanakan dalam 2 sesi pagi dan petang. Sesi pagi menyaksikan penyampaian anugerah serta sijil oleh **Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan** kepada penjawat awam Kementerian Pertahanan seperti berikut:

- a. 118 penerima APC.
- b. 40 penerima PPT.
- c. 11 penerima Sijil 25 Tahun Perkhidmatan.
- d. 1 penerima Sijil Penghargaan Perkhidmatan Khas.

Pada sesi pagi majlis berkenaan juga turut berlangsung Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang (AKC) oleh **Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM** kepada 45 penerima AKC dari kalangan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sementara itu pada sesi majlis di sebelah petang pula, berlangsungnya penyampaian anugerah serta sijil oleh **Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBrs Dr. Karminder Singh Dhillon** kepada 200 penerima APC dan 23 penerima PPT dari kalangan penjawat awam Kementerian Pertahanan.


Jumlah penerima APC, PPT dan Sijil Khas dalam majlis yang berlangsung pada hari ini sahaja adalah seramai 438 yang terdiri daripada penjawat awam di Wisma Pertahanan dan Unit-Unit Tentera, warga ATM serta Pesara Awam terpilih. Untuk rekod, jumlah keseluruhan penerima APC dan PPT di bawah Kementerian Pertahanan bagi tahun 2020 adalah seramai 862 warga awam, 9,592 warga ATM dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan dan 229 orang pesara (awam) menjadikan jumlah keseluruhan seramai 10,653 orang. Penyampaian APC serta PPT bagi penerima-penerima lain seterusnya akan dilaksanakan oleh Unit, Bahagian dan Jabatan masing-masing.

Penerima APC dan AKC menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi wang tunai berupa Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) bernilai RM 1,000.00. Sementara itu untuk pesara awam, mereka menerima Sijil Penghargaan serta hadiah persaraan wang tunai berupa Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) bernilai RM 400.00 dan juga tambahan Pingat PPT kepada mereka yang bersara wajib.

Turut hadir adalah Panglima-Panglima Perkhidmatan, Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha, Pegawai-pegawai Kanan serta warga Kementerian Pertahanan dan ATM.

-TAMAT-

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”



Siaran

AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 01/04

PENYERAHAN SUMBANGAN EHSAN KEPADA WARGA ATM DAN SUMBANGAN IHYA RAMADAN KEPADA MARKAS PERKHIDMATAN

Menteri Kanan Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah menyempurnakan penyerahan Sumbangan Ehsan kepada warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Sumbangan Ihya Ramadan kepada ketiga-tiga Markas Perkhidmatan (Darat, Laut dan Udara) serta melancarkan Tabung Infak Ramadan pada satu majlis ringkas yang berlangsung di Wisma Pertahanan hari ini.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Ketua Setiausaha Pertahanan, Datuk Muez bin Abd Aziz dan panglima-panglima perkhidmatan.

Sumbangan Ehsan dari Tabung Zakat ATM berupa barangan keperluan harian yang diberikan kepada warga tentera beragama Islam dan bukan Islam serta kakitangan awam yang dikategorikan sebagai asnaf serta anggota atau keluarga yang mempunyai penyakit kronik. Jumlah penerima adalah seramai 1,330 dari seluruh Malaysia melibatkan peruntukan sebanyak RM79,800.

Sumbangan Ihya Ramadan pula merupakan sumbangan kepada 60 masjid dan 227 surau ATM di seluruh negara dengan jumlah peruntukan sebanyak RM173,500. Replika cek sumbangan diserahkan kepada ketiga-tiga Panglima Perkhidmatan (Darat, Laut dan Udara), Ketua Staf Markas ATM dan Panglima Angkatan Bersama.

Selain itu, Affin Islamic Bank turut menyumbang RM300,000 kepada Tabung Zakat ATM bagi tahun 2020. Replika cek sumbangan telah diserahkan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Affin Islamic Bank Berhad, En. Ferdaus Toh Abdullah.

PERNAMA Niaga Bhd. pula menyumbangkan 1,000 sarung tangan, 1,000 topeng muka dan 200 botol *hand sanitizer* kepada pihak ATM untuk kegunaan petugas barisan hadapan ATM yang terlibat dalam penugasan penguatkuasaan PKP. Sumbangan diserahkan oleh Pengerusi PERNAMA Niaga Bhd, Jeneral (B) Tan Sri Aziz bin Zainal.

ATM juga turut menerima sumbangan 100,000 toping muka daripada Yayasan Ihsan Rakyat yang telah diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Ihsan Rakyat, Datuk Hjh. Rozzana bt. Dato' Hj. Rahmat manakala Yayasan Restu menyumbangkan 20,000 naskah Al-Quran untuk kegunaan warga ATM beragama Islam yang diserahkan oleh Pengerusi Yayasan Restu, Datuk Abdul Latiff Mirasa.

Pada majlis ini juga, Menteri Kanan Pertahanan turut menyempurnakan pelancaran Tabung Infak Ramadan dan Bantuan Ehsan Masjid Khalid Al-Walid Kementerian Pertahanan (KEMENTAH).


Ia merupakan acara tahunan sebagai galakan bersedekah yang akan digunakan untuk membantu ahli kariah sempena bulan Ramadan.

-TAMAT-

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
29 Apr 2020





Siaran
AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 01/05

**PERBUALAN TELEFON ANTARA YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB,
MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA DENGAN TYT JENERAL WEI FENGHE,
MENTERI PERTAHANAN NASIONAL REPUBLIK RAKYAT CHINA**

**15 Mei 2020
Kuala Lumpur**

YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Pertahanan Malaysia telah menerima panggilan telefon dari rakan sejawatnya, TYT Jeneral Wei Fenghe, Menteri Pertahanan Nasional Republik Rakyat China pada 15 Mei 2020 jam 4.00 petang. TYT Jeneral Wei Fenghe telah menyampaikan ucapan tahniah kepada YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob di atas pelantikannya sebagai Menteri Kanan (Keselamatan) dan Menteri Pertahanan Malaysia.


Tumpuan perbincangan antara kedua-dua Menteri berkisar kepada krisis global semasa iaitu wabak COVID-19. Dalam perbincangan tersebut, kedua-dua Menteri telah berkongsi pengalaman mengenai langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang dilaksanakan di negara masing-masing dalam menangani situasi COVID-19. Kedua-dua Menteri bersependapat bahawa adalah amat penting bagi setiap negara untuk terus bekerjasama dalam mendepani wabak COVID-19. Dalam hal ini, YB Menteri Pertahanan telah merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pertahanan Nasional Republik Rakyat China atas sumbangan bekalan perubatan yang terdiri daripada 13 jenis peralatan perubatan. Sumbangan daripada pihak China ini akan membantu petugas barisan hadapan Angkatan Tentera Malaysia.

Selain daripada usaha utama dalam menangani wabak COVID-19, kedua-dua Menteri Pertahanan juga telah mengesahkan komitmen untuk terus mempertingkatkan kerjasama pertahanan sedia ada. Mereka turut menyentuh mengenai cabaran keselamatan serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama, termasuk Laut China Selatan.

-Tamat-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Kementerian Pertahanan Malaysia
15 Mei 2020



PRESS
RELEASE

MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 01/05 (ENG)

**TELEPHONE CONVERSATION BETWEEN HONOURABLE DATO' SRI ISMAIL
SABRI BIN YAAKOB, MINISTER OF DEFENCE MALAYSIA AND HIS
EXCELLENCY GENERAL WEI FENGHE, MINISTER OF NATIONAL DEFENSE
OF THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA**

**15 May 2020
Kuala Lumpur**

The Honourable Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Minister of Defence Malaysia received a telephone call from his Chinese counterpart, H.E. General Wei Fenghe, Minister of National Defense of the People's Republic Of China on 15 May 2020 at 4.00 pm. H.E. General Wei congratulated the former on his appointment as the Senior Minister (Security) and Minister of Defence Malaysia.

The discussion between both Ministers focused on the prevailing global crisis, the COVID-19 pandemic. The two Ministers updated each other on the prevention and control measures undertaken by both countries in addressing the COVID-19 situation. Both Defence Ministers agreed that it is critical for countries to continue working together to contain the spread of the virus. In this regard, the Minister of Defence Malaysia extended his sincere appreciation to the Ministry of National Defense of the People's Republic of China for the contribution of medical supplies consisting of 13 medical items and equipment. The contribution from China is invaluable and would support the frontliners from the Malaysian Armed Forces.

Apart from the immediate priority in addressing the COVID-19 pandemic, both Ministers also expressed their shared commitments to further strengthen the existing bilateral defence cooperation. They also touched on regional and international security challenges of mutual interest and common concern, including the South China Sea.

-End-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Ministry of Defence Malaysia
15 May 2020



Siaran
AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 01/06

**SUMBANGAN BARANGAN DAN PERALATAN PERUBATAN KEPADA
PETUGAS BARISAN HADAPAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
OLEH KEMENTERIAN PERTAHANAN NASIONAL REPUBLIK RAKYAT CHINA**

KUALA LUMPUR, 3 JUN 2020

Kementerian Pertahanan Malaysia hari ini menerima sumbangan dari Kementerian Pertahanan Nasional Republik Rakyat China berupa barangan dan peralatan perubatan bagi kegunaan petugas barisan hadapan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sumbangan telah disampaikan oleh TYT Bai Tian, Duta Besar China ke Malaysia kepada YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan bertempat di Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan.

Sumbangan terdiri daripada 13 jenis barangan dan peralatan perubatan seperti berikut:

a.	<i>Medical Disposable Masks /Topeng Hidung dan Mulut</i>	50000 Unit
b.	<i>Medical Surgical Masks /Topeng Muka Pembedahan</i>	6000 Unit
c.	<i>Medical Protective Masks (KN95) / Topeng Hidung dan Mulut Jenis KN95</i>	6000 Unit
d.	<i>Medical Goggles /Kaca Mata Perubatan</i>	4200 Unit
e.	<i>Disposable Protective Clothing /Pakaian Pelindung Diri</i>	3000 Unit
f.	<i>Isolation Gown /Pakaian Perlindungan</i>	3000 Unit
g.	<i>Medical Face Shield /Pelindung Muka</i>	3000 Unit
h.	<i>Medical Boots Set /Set Kasut Perubatan</i>	6000 Unit
i.	<i>Disposable Nitrile Gloves / Sarung Tangan Nitrile</i>	50000 Unit
j.	<i>Infusion Pump</i>	30 Unit
k.	<i>Knapsack Disinfectant Sprayer</i>	2 Unit
l.	<i>Frontal Temperature Gun CK-T1501</i>	50 Unit
m.	<i>Thermal Imaging Smart Helmet /Helmet Pengimbas Suhu Pintar</i>	2 Unit

Kesemua barangan ini telah diterbangkan dari negara China ke Malaysia dengan menggunakan pesawat Tentera Udara Republik Rakyat China pada 12 Mei 2020 lalu.

Hadir sama pada majlis penyerahan ini ialah YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan, YBhg. Datuk Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha

Kementerian Pertahanan dan Ketua Staf Markas ATM, YBhg. Leftenan Jeneral Dato' Pahlawan Redzuan bin Hj Baharuddin mewakili Panglima Angkatan Tentera.

Duta Besar China turut mengambil peluang mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Dato' Sri Ismail Sabri atas pelantikan beliau sebagai Menteri Kanan Pertahanan.

Dalam kunjungan hormat tersebut, TYT Bai Tian dan YB Dato' Sri Ismail Sabri telah menyentuh mengenai hubungan kerjasama pertahanan dua hala Malaysia dan Republik Rakyat China di samping isu-isu mengenai Laut China Selatan dan penghantaran pulang 500 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) warga China.


Kementerian Pertahanan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas bantuan barangan dan peralatan perubatan serta sokongan berterusan kerajaan China kepada Malaysia dalam usaha menangani penularan wabak COVID-19 ini.

-Tamat -

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

KUALA LUMPUR

3 Jun 2020



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 02/06

**SIDANG VIDEO DENGAN TYT PRABOWO SUBIANTO, MENTERI PERTAHANAN
REPUBLIK INDONESIA
DAN
KUNJUNGAN HORMAT OLEH TYT MD SHAHIDUL ISLAM, PESURUHJAYA TINGGI
BANGLADESH KE MALAYSIA**

**16 Jun 2020
Kuala Lumpur**

YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Pertahanan Malaysia dan TYT Prabowo Subianto, Menteri Pertahanan Republik Indonesia telah mengadakan sidang video pada 16 Jun 2020 jam 4.30 petang. TYT Prabowo Subianto telah menyampaikan ucapan tahniah kepada YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob di atas pelantikannya sebagai Menteri Kanan (Keselamatan) dan Menteri Pertahanan Malaysia.

Dalam perbincangan tersebut, kedua-dua Menteri memperakui hubungan dua hala yang telah sekian lama terjalin antara Malaysia dan Indonesia. Perbincangan yang terbuka merangkumi topik yang luas antara kedua-dua Menteri mencerminkan keakraban kedua-dua negara. Walaupun berdepan dengan situasi penularan wabak COVID-19, kedua-dua Menteri Pertahanan mengesahkan komitmen untuk mempertingkatkan hubungan pertahanan dua hala dan menekankan pentingnya memperluas kerjasama sedia ada demi kepentingan bersama.

Kerjasama pertahanan antara Malaysia dan Indonesia telah lama terjalin dan terus berkembang melalui Jawatankuasa Am Persempadanan yang telah ditubuhkan pada tahun 1972. Hubungan pertahanan ini turut diperkukuhkan melalui beberapa inisiatif keselamatan sub-rantau seperti *Malacca Straits Patrol* (MSP) dan *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) yang melibatkan Filipina.


Sebelum sesi sidang video tersebut, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah menerima kunjungan hormat daripada TYT **Md Shahidul Islam, Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Malaysia.**

Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai usaha untuk memperkukuhkan hubungan pertahanan dua hala antara Malaysia dan Bangladesh serta isu berkaitan penularan wabak COVID-19, termasuk penghantaran balik Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dari Bangladesh.

-Tamat -

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**KUALA LUMPUR
16 Jun 2020**



PRESS

RELEASE

MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 02/06

**VIDEO CONFERENCE WITH HIS EXCELLENCY PRABOWO SUBIANTO,
MINISTER OF DEFENCE OF THE REPUBLIC OF INDONESIA
AND
COURTESY CALL BY HIS EXCELLENCY MD SHAHIDUL ISLAM, HIGH
COMMISSIONER OF THE PEOPLE'S REPUBLIC OF BANGLADESH TO MALAYSIA**

The Honourable Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Minister of Defence Malaysia and his counterpart, H.E. Prabowo Subianto, Minister of Defence of the Republic of Indonesia, held a video conference on 16 June 2020 at 4.30 pm. H.E. Prabowo Subianto congratulated the former on his appointment as the Senior Minister (Security) and Minister of Defence Malaysia.

Both Ministers acknowledged the longstanding ties between Malaysia and Indonesia. They had an open and wide-ranging discussion that reflected the strength of the relationship. Although challenged by the current COVID-19 pandemic situation, the two Defence Ministers expressed their commitments to further deepen the bilateral defence relations and underscored the importance of expanding the cooperation based on shared interests of both countries.

The defence ties between Malaysia and Indonesia have seen excellent progress under the ambit of the General Border Committee (GBC) that was established in 1972. The defence relations have also strengthened through sub-regional initiatives, namely the Malacca Straits Patrol (MSP) and the Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) together with the Philippines.

Prior to the video conference, the Honourable Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob received a courtesy call from **H.E. Md Shahidul Islam, the High Commissioner of the People's Republic of Bangladesh to Malaysia.**


Among the matters discussed during the meeting were the strengthening of bilateral defence relations between Malaysia and Bangladesh as well as issues of common concern regarding the prevailing COVID-19 situation, including the repatriation of undocumented migrants from Bangladesh.

-End -

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

KUALA LUMPUR

16 June 2020



Siaran
AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 01/07

**PEMBATALAN PENGANJURAN PAMERAN ANTARABANGSA MARITIM DAN
AEROANGKASA LANGKAWI 2021 (LIMA'21)**

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika ini telah memberikan impak besar bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga di seluruh dunia dan wabak ini dilihat masih belum dapat ditangani dengan sepenuhnya.

Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengangkutan selaku penganjur utama Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2021 (LIMA'21) juga sedar akan impak global pandemik COVID-19 yang bukan sahaja dari sudut kesihatan malah kesan besar terhadap sosial dan ekonomi dunia.

Sehubungan itu, Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2020 telah memutuskan untuk membatalkan penganjuran LIMA'21 yang sepatutnya berlangsung pada 16 hingga 20 Mac 2021.

Keputusan ini dibuat adalah berdasarkan justifikasi seperti berikut:

i. **Impak Ekonomi Akibat Penularan Wabak COVID-19**

Impak pandemik COVID-19 dilihat memberi kesan yang besar terhadap jumlah penyertaan pempamer dan pelabur di dalam acara antarabangsa seperti LIMA. Ianya berkait rapat dengan langkah yang diambil oleh kebanyakan negara untuk menutup sempadan dan menyekat perjalanan ke luar negara bagi mengurangkan risiko penularan wabak tersebut, seterusnya menyukarkan pihak kementerian untuk mencapai sasaran penyertaan yang ditetapkan.

ii) Kekangan Masa Dalam Keadaan Mencabar

Penganjuran acara berskala besar seumpama ini memerlukan tempoh yang wajar agar dapat dirancang dengan teliti dan terperinci termasuk untuk menjalankan aktiviti promosi dan publisiti bagi mendapatkan sasaran penyertaan dan juga memenuhi keperluan pelbagai sektor yang berkaitan. Ini sekaligus akan mempengaruhi impak kepada penjenamaan LIMA yang selama ini diklasifikasikan sebagai pameran maritim dan aeroangkasa utama di rantau Asia.

iii) Pulangan Perbelanjaan Kerajaan Dan Syarikat Penganjur

Kos penganjuran LIMA'21 dijangka meningkat mengambil kira keperluan untuk memenuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Dengan jangkakan jumlah penyertaan akan berkurangan, adalah sukar untuk mencapai pulangan pelaburan berbanding kos yang dikeluarkan oleh kerajaan dan penganjur.

Keputusan pembatalan ini juga dibuat setelah mengambil kira pandangan dari pihak-pihak pemegang taruh dan juga pihak-pihak berkaitan yang lain.

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
16 Julai 2020



Siaran
AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 02/07

TELEPHONE CONVERSATION WITH HIS EXCELLENCY KONO TARO, MINISTER OF DEFENSE JAPAN AND COURTESY CALL BY HIS EXCELLENCY DATO PADUKA HJ ALAIHUDDIN MOHD TAHA, HIGH COMMISSIONER OF NEGARA BRUNEI DARUSSALAM TO MALAYSIA

The Honourable Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Senior Minister of Defence Malaysia received a telephone call from his counterpart, H.E. Kono Taro, Minister of Defense of Japan on 20 July 2020 at 4.00 pm. H.E. Kono congratulated the former on his appointment as the Senior Minister of Defence Malaysia.

Both Ministers discussed at length the prevailing global crisis, the COVID-19 pandemic. The two Ministers updated each other on the prevention and control measures undertaken by both countries, particularly the roles of the Malaysian Armed Forces and the Japan Self-Defense Forces in containing the spread of COVID-19.

The two Ministers acknowledged the importance of both countries' continued and strengthened bilateral defence cooperation. Although challenged by the current COVID-19 pandemic situation, the Defence Ministers expressed their commitments to further deepen the bilateral defence relations based on the shared interests of both countries.

During the phone conversation, the two Ministers also touched on the dynamic global security landscape of mutual interest and common concern, including the South China Sea. Dato' Sri Ismail Sabri stated that Malaysia stands firm on its position that the South China Sea issue must be managed in a peaceful and rational manner through dialogue and consultations. He also underscored the importance for all parties to work together to ensure peace, security and stability in the South China Sea.

Prior to the phone conversation, the Honourable Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob received a courtesy call from H.E. Dato Paduka Hj Alaihuddin Mohd Taha, the High Commissioner of Brunei Darussalam to Malaysia.

Among the matters discussed was the strengthening of bilateral defence relations between Malaysia and Brunei, particularly on border security cooperation, as well as the current COVID-19 situation.

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
20 Julai 2020



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 02/10 (BM)

**PENAMATAN OPERASI HOSPITAL MEDAN MALAYSIA
DI COX'S BAZAR, BANGLADESH**

Kuala Lumpur

Kerajaan telah menubuhkan Hospital Medan Malaysia (HMM) di Cox's Bazar, Bangladesh pada November 2017 bagi tujuan misi bantuan kemanusiaan kepada pelarian Rohingya yang melarikan diri ke Bangladesh ekoran konflik di Rakhine, Myanmar. Misi ini merupakan pelan jangka pendek untuk membantu meringankan beban dan menstabilkan keadaan dalam kem pelarian terutamanya berkaitan aspek kesihatan di kalangan pelarian Rohingya.

Pengoperasian HMM dilaksanakan secara penggiliran dengan kekuatan 56 orang petugas bagi setiap pasukan yang terdiri daripada 20 orang pegawai ATM termasuk lapan orang Pakar Perubatan, 30 anggota lain-lain pangkat Kor Kesihatan DiRaja (KKD) serta enam orang jururawat awam. Sehingga Mac 2020, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menghantar sebanyak lima pasukan perubatan ke HMM.

HMM telah menjadi tumpuan pelarian Rohingya untuk mendapatkan rawatan walaupun ia terletak di luar kawasan kem pelarian kerana HMM merupakan satu-satunya hospital medan yang menyediakan perkhidmatan Tahap 3 pada ketika itu. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah pembedahan am, ortopedik, obstetrik dan ginekologi, bius, x-ray dan rawatan-rawatan utama lain seperti kesihatan keluarga, kecemasan, pergigian, radiologi serta makmal.

Sepanjang tempoh pengoperasian HMM, petugas perubatan terdedah kepada risiko kesihatan dan keselamatan seperti penularan wabak COVID-19 dan ancaman penyakit berjangkit lain seperti hepatitis, malaria dan batuk kering serta peningkatan kes jenayah di kalangan penduduk tempatan dan pelarian Rohingya.

Kesungguhan Kerajaan dan komitmen tinggi pasukan petugas perubatan di HMM telah membolehkan HMM mendapat pengiktirafan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai Hospital Medan Tahap 3 terbaik, terlengkap serta paling dipercayai dan seterusnya menjadi hospital rujukan di daerah berkenaan.

Tahap perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang baik telah mendorong ramai pelarian Rohingya dan penduduk tempatan Bangladesh mendapatkan rawatan di HMM. Sepanjang tempoh operasi dari bulan November 2017 hingga Mac 2020, jumlah keseluruhan kehadiran pesakit ke HMM ialah seramai 108,038 orang. Petugas HMM juga telah melaksanakan lebih daripada 3,500 pembedahan termasuk lebih 900 pembedahan berisiko tinggi. Jumlah kehadiran pesakit pernah mencapai sehingga 8,763 orang sebulan iaitu jumlah bulanan tertinggi pada November 2018. Walau bagaimanapun, jumlah kehadiran pesakit bulanan telah menunjukkan trend penurunan, di mana pada bulan Februari 2020 hanya seramai 1,690 orang sahaja mendapatkan rawatan di HMM.

Trend penurunan bilangan kes dan kehadiran pesakit ini adalah berikutan keadaan di kawasan kem pelarian semakin stabil dan tahap kesihatan pelarian Rohingya semakin baik berikutan penyakit-penyakit kronik telah diberikan rawatan sewajarnya dan banyak prosedur pembedahan telah berjaya

dilaksanakan. Selain daripada itu, terdapat penambahan enam buah hospital medan di dalam kawasan kem pelarian kendalian Kerajaan Turki dan NGO antarabangsa lain seperti *Mèdecins Sans Frontières* (MSF), *HOPE Foundation*, *MSF Spain*, *Bangladesh Red Crescent Society* dan *Friendship*. Pertambahan bilangan hospital medan ini telah memberi lebih banyak pilihan dan akses perkhidmatan kesihatan kepada pelarian Rohingya dan penduduk tempatan yang secara langsung telah mengurangkan kebergantungan mereka kepada HMM yang terletak di luar kawasan kem pelarian.

Berdasarkan kepada perkembangan semasa, Kerajaan telah memutuskan agar pengoperasian HMM ditamatkan lebih awal iaitu pada tahun 2020 berbanding dengan mandat operasi sehingga Disember 2021. Penubuhan HMM telah berjaya mencapai objektifnya dan penarikan keluar ini tidak memberi kesan kepada hubungan dua hala antara Malaysia dan Bangladesh serta terhadap imej negara.

Sebagai anggota komuniti antarabangsa yang bertanggungjawab, Malaysia amat prihatin terhadap krisis kemanusiaan Rohingya dan akan terus memainkan peranan dalam mengetengahkan isu Rohingya di peringkat serantau dan antarabangsa termasuk melalui platform dua hala dan pelbagai hala, khususnya dalam mencari penyelesaian jangka panjang berhubung isu ini.

Kepulangan petugas perubatan ATM ke tanah air membolehkan pengoperasian penuh Hospital Angkatan Tentera (HAT) di seluruh negara. Pada masa yang sama, mereka dapat diatur gerak dalam negara sebagai sebahagian daripada usaha keseluruhan kerajaan (*whole-of-government*) untuk menangani penularan pandemik COVID-19 yang ketika ini sedang menunjukkan trend peningkatan semula.



"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Kementerian Pertahanan Malaysia
21 Oktober 2020



PRESS
RELEASE
MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 02/10 (BI)

**THE END OF THE MALAYSIAN FIELD HOSPITAL OPERATION
AT COX'S BAZAR, BANGLADESH**

Kuala Lumpur

The Government of Malaysia had established the Malaysian Field Hospital (MFH) in Cox's Bazar, Bangladesh in November 2017 for the purpose of providing humanitarian aid to Rohingya refugees who have fled to Bangladesh following the conflict in Rakhine, Myanmar. This mission was a short-term plan to lessen the burden and stabilise the condition of the refugee camp especially in the healthcare aspect of the Rohingya refugees.

The MFH was manned by 56 personnel on a rotational basis which consisted of 20 Malaysian Armed Forces (MAF) officers, including eight physicians, 30 members of other ranks of the Royal Medical Corps, and six civilian nurses. Until March 2020, the MAF had sent five medical teams to the MFH.

The MFH became the primary focus for Rohingya refugees to seek treatment since it was the only field hospital capable of providing Level 3 services at that time, even though it was located outside the refugee camp. Among the services provided were general surgery, orthopedics, obstetrics and gynecology, anesthesia, x-rays, and other key treatments such as family health, emergency, dental and radiology as well as laboratory.

Throughout the MFH's period of operation, the medical personnel were often exposed to health and safety risks, such as the spread of COVID-19 and the threat of other infectious diseases such as hepatitis, malaria, and tuberculosis as well as the increase in criminal cases among Rohingya refugees and locals.

The resolve of the Government in this matter and the high commitment of the medical team had enabled the MFH to gain the World Health Organization (WHO)'s recognition as the best, most well-equipped, and most trusted Level 3 Hospital, and subsequently became a referral hospital in the district.

The excellent level of medical and health services had prompted many Rohingya refugees and locals to seek treatment at the MFH. Throughout the operating period from November 2017 to March 2020, the total number of patients treated at the MFH was 108,038 people. MFH personnel also performed more than 3,500 surgeries, including 900 high-risk surgeries. In November 2018, the number of patients per month had reached up to 8,763 people, which was the highest monthly number recorded since the MFH's establishment. However, the total number of patients monthly had shown a downward trend, in which only 1,690 people sought treatment at the MFH in February 2020.

The downward trend in the number of cases and patient attendance was due to the stabilized situation in the refugee camp area, and the improved health conditions of the Rohingya refugees since chronic diseases had been treated and many surgical procedures were successfully performed. Moreover, there are six additional field hospitals established by the Government of Turkey and other international NGOs such as Mèdecins Sans Frontières (MSF), HOPE Foundation, MSF Spain, Bangladesh Red Crescent Society, and Friendship which are located within the refugee camp. The increase in the number of field hospitals has given more options and access to healthcare services to

Rohingya refugees and locals who have since reduced their dependency on the MFH which was located outside the refugee camp.

Based on current developments, the Government has decided to end the MFH operation earlier in 2020 as compared to the original operational mandate which ends in December 2021. The establishment of the MFH had succeeded in achieving its objectives and this withdrawal neither affects bilateral relations between Malaysia and Bangladesh nor the country's image.

As a responsible member of the international community, Malaysia is deeply concerned about the Rohingya humanitarian crisis and will continue to play a role in highlighting Rohingya issues at regional and international levels, including through bilateral and multilateral platforms, particularly in finding long-term solutions to these issues.

The repatriation of MAF medical personnel has enabled the Armed Forces Hospitals (HAT) to operate at their full capacity nationwide. At the same time, they can be deployed locally as part of whole-of-government effort in combatting the spread of the COVID-19 pandemic which is currently showing an upward trend.



"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"



PRESS
RELEASE
MINISTRY OF DEFENCE

MOD.100/2/1/2 JLD 3 () 02/12 (BI)

**14TH ASEAN DEFENCE MINISTERS' MEETING (ADMM),
7TH ADMM-PLUS & RELATED MEETINGS, 9 & 10 DECEMBER 2020**

The Senior Minister of Defence, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob has led Malaysia's delegation to the 14th ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) and 7th ADMM-Plus via video conference. The meetings, held from 9 to 10 December 2020, were hosted by Viet Nam as the ASEAN Chair 2020.

The 14th ADMM held on 9 December 2020 discussed various matters relating to regional defence cooperation, including five new regional initiatives for adoption by the Ministers. These include the Standard Operating Procedure (SOP) for the ASEAN Militaries Ready Group on Humanitarian Assistance and Disaster Relief (AMRG on HADR), of which Malaysia is the proponent. The SOP aims to guide militaries of ASEAN member states in providing humanitarian assistance and disaster relief to the disaster-affected states in the region in a timely and coordinated manner, under a single ASEAN flag. This initiative is hoped to increase ASEAN solidarity in responding to disasters in the region, under the concept of "One ASEAN One Response". The meeting was attended by Defence Ministers of all ASEAN member states and the Secretary General of ASEAN.

The 7th ADMM-Plus, held on 10 December 2020, was attended by Defence Ministers of all ASEAN member states and eight Plus dialogue partners (Australia, China, India, Japan, New Zealand, Republic of Korea, Russia, and United States) as well as the Secretary General of ASEAN. During this meeting, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob reaffirmed the need to ensure that the South China Sea waters must remain free, safe and commercially navigable, without any concerns of militarisation or hostility. He further stressed that the South China Sea should not become a theatre of conflict. He urged all parties to exercise self-restraint and avoid actions that may disrupt the stability of this region.

YB Dato' Sri Ismail Sabri also emphasised that the Rohingya refugee crisis has indeed caused social and economic hazards both domestically as well

as at international level. This issue should not be shouldered by any single country, in particular Malaysia. He called upon ASEAN member states especially the Plus dialogue partners and international community to undertake joint efforts to help find an effective and everlasting solution to this humanitarian crisis.

YB Dato' Sri Ismail Sabri also participated in three ASEAN+1 Defence Ministers' Informal Meetings, namely with China, Japan, and the United States at the sidelines of the 7th ADMM-Plus. He further participated in the commemoration of the 10th anniversary of the ADMM-Plus, as well as attended a special session with the guests of chair, namely Canada, European Union, France, Germany, United Kingdom, and United Nations.

YB Dato' Sri Ismail Sabri's attendance to these events was part of Malaysia's defence diplomacy efforts in promoting defence cooperation through bilateral and multilateral engagements. This also highlights Malaysia's everlasting commitment towards ASEAN as the core platform for regional cooperation. At the same time, YB Dato' Sri Ismail Sabri congratulated Viet Nam for successfully hosting of the meetings as the ASEAN Chair 2020 despite the challenges caused by the COVID-19 pandemic and welcomed Brunei Darussalam as the incoming ASEAN Chair 2021. The 14th ADMM and 7th ADMM-Plus meetings were concluded with the signing of Joint Declarations. All the leaders agreed that the Joint Declarations cemented the spirit of cooperation among ASEAN member states and between its Plus dialogue partners.

- END -

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

**Ministry Of Defence Malaysia
10 DECEMBER 2020**